

Headline	TNB giat bersihkan PMU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	60 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,345		



TNB giat bersihkan PMU

KUANTAN 9 Dis. - Bekalan elektrik di kawasan Kampung Razali, Permatang Badak, Sungai Belat dan Sungai Isap di sini dijangka pulih selewat-lewatnya esok.

Pengurus Bahagian Penghantaran TNB Pahang, Datuk Ir. Abdul Halim Baharudin berkata, pada masa ini pihaknya bertungkus lumus membaiki serta membersihkan 11 Pencawang Masuk Utama (PMU) yang terjejas akibat banjir minggu lalu sebelum mengaktifkannya.

Katanya, pada masa ini TNB menggunakan alternatif lain dengan menghantar set generator ke kawasan yang terjejas bagi membekalkan elektrik termasuk ke pusat pemindahan.

"TNB meneruskan usaha membaiki pulih PMU berkenaan secepat mungkin dan memantau perkembangan aras air di situ supaya dapat menyalurkan bekalan ke kawasan perumahan.

"Pada masa sama, kita meminta bantuan kakitangan TNB dari negeri lain bagi mempercepatkan proses baik pulih PMU yang terjejas. Saya berharap orang ramai bersabar dengan situasi ini," katanya di sini hari ini.